

## SURAT SETUJU TERIMA

MPC(PCT)100-1/4/1/23

28 April 2021

**Institut Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (IRMI)**

Tingkat 3 Bangunan Wawasan (Hotel Lama)

Universiti Teknologi Mara

Petaling, 40450, Shah Alam

Selangor, Malaysia

### TAWARAN LANTIKAN UNTUK PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING BUKAN FIZIKAL SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING

Adalah saya dengan hormatnya dimaklumkan bahawa berdasarkan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah dipersetujui, Perbadanan Produktiviti Malaysia bersetuju melantik tuan sebagai perunding dengan kaedah bayaran secara Input Masa bagi kajian seperti berikut:

|                                         |          |                                                                                                                                                     |
|-----------------------------------------|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Nama Kajian</b>                      | <b>:</b> | <b>Meningkatkan Kesedaran di Kalangan Pengusaha Makanan dan Minuman Muslim Terhadap Keperluan Pensijilan Halal</b>                                  |
| <b>Kos Projek (tiada 6% SST)</b>        | <b>:</b> | <b>RM40,000.00</b>                                                                                                                                  |
| <b>Yuran Perunding</b>                  |          |                                                                                                                                                     |
| <b>i) Fasa I (50%)</b>                  | <b>:</b> | <b>RM20,000.00</b>                                                                                                                                  |
| <b>ii) Fasa II (50%)</b>                | <b>:</b> | <b>RM20,000.00</b>                                                                                                                                  |
| <b>Kaedah Perolehan</b>                 | <b>:</b> | <b>Lantikan Terus Berserta Kos Siling</b>                                                                                                           |
| <b>Bidang Perunding</b>                 | <b>:</b> | <b>340105 (Kajian Pemasaran dan Penyelidikan)<br/>340104 (Kajian Kemasyarakatan)<br/>340103 (Kajian Ekonomi)<br/>340106 (Kajian Sumber Manusia)</b> |
| <b>Perjanjian Piawai yang digunakan</b> | <b>:</b> | <b>Form CSA2014 (Amendment 2018) - Research</b>                                                                                                     |
| <b>Skop Perkhidmatan</b>                | <b>:</b> | <b>Lampiran 1 (Terms of Reference)</b>                                                                                                              |
| <b>Tempoh Perkhidmatan</b>              | <b>:</b> | <b>3 bulan (28 April – 28 Julai 2021)</b>                                                                                                           |

2. Pihak tuan adalah diingatkan bahawa perbelanjaan imbuhan balik hendaklah mengikut perbelanjaan sebenar berdasarkan prinsip yang mana lebih rendah dan tidak melebihi kos yang telah dipersetujui dan kos imbuhan balik boleh dibayar mengikut peringkat kemajuan atau secara bulanan selaras dengan syarat-syarat kontrak.

3. Dengan penerimaan tawaran perlantikan ini, suatu ikatan kontrak terwujud di antara Kerajaan dengan tuan. Suatu perjanjian rasmi akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua terma perjanjian sebagaimana yang dipersetujui.

4. Setelah arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A. Kerajaan juga berhak menolak apa-apa *deliverables* sekiranya *deliverables* tersebut tidak memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan dan dikemukakan semula selaras dengan dengan kualiti dan tempoh yang ditetapkan.

5. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Perunding Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Lantikan Terus Beserta Kos Siling sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempumakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen Lantikan Terus Beserta Kos Siling;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah didalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (l) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (m) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

6. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 5, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

7. Bersama-sama Surat Akuan Perunding Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

8. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)**  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

## BUTIRAN KONTRAK

**PERKHIDMATAN PERUNDING BUKAN FIZIKAL SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING  
KAJIAN KES MENINGKATKAN KESEDARAN DI KALANGAN PENGUSAHA MAKANAN DAN  
MINUMAN MUSLIM TERHADAP KEPERLUAN PENSIJILAN HALAL**

**1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : Akta 173 UiTM

1.2 Tempoh Sah Laku : tiada

**2. Pendaftaran Syarikat Dengan Lembaga Profesional (jika berkaitan)**

2.1 No. Pendaftaran : tiada.....

2.2 Tempoh Sah Laku : .....

**3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)**

3.1 No. Pendaftaran : MOF 465-00001177

3.2 Tempoh Sah Laku : Februari 2021

3.3 Kod Bidang : Kod bidang Perunding

3.4 Ekuiti Bumiputera : UiTM

**4. Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar).  
sekiranya berkaitan**

4.1 No. Pendaftaran : ....Tiada.....

4.2 Tarikh Kuat Kuasa : .....Tiada.....

**5. Harga dan Tempoh Kontrak**

5.1 Harga LTBKS (butiran harga seperti di **Lampiran A1**) :  
Lampiran A1 adalah butiran kos perunding melibatkan yuran dan imbuhan balik

5.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan (sekiranya berkaitan) : RM .....

5.3 Harga Kontrak : RM 40,000.00.....

5.4 Tempoh Kontrak : 3 Bulan

5.5 Tarikh Mula Perkhidmatan : .....

5.6 Tarikh Tamat Perkhidmatan : .....

**6. Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding**

\* Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**  
Lampiran A2 akan disediakan oleh Agensi

**7. \*Polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional (jika berkaitan)**

7.1 Nilai Polisi : RM.....tiada.....

7.2 Tempoh : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh  
Perlindungan Tanggungan Kecacatan

**8. Kenaan Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**

(Lewat mengemukakan *deliverables* yang telah dipersetujui)

8.1 Formula : 
$$\frac{\text{Base Lending Rate}}{100} \times \frac{\text{Yuran Perunding}}{365}$$
  
(tertakluk minimum RM100 sehari)

8.2 Kadar sehari : RM.....

*\*potong mana yang tidak berkenaan*

**SURAT AKUAN PERUNDING BERJAYA**

**PERKHIDMATAN PERUNDING BUKAN FIZIKAL SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING  
KAJIAN KES MENINGKATKAN KESEDARAN DI KALANGAN PENGUSAHA MAKANAN DAN MINUMAN  
MUSLIM TERHADAP KEPERLUAN PENSIJILAN HALAL**

Saya, Norhasnah M. Saheh nombor K.P. 610526-06-5254 yang mewakili Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) nombor pendaftaran (\*MOF/CIDB/SSM) MOF 465-00001177 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Produktiviti Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam \*lantikan terus beserta kos siling (LTBKS)/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Produktiviti Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan \*sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi \*LTBKS/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi \*LTBKS/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan \*LTBKS/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
NORHASNAH M. SAHEH

Cop Syarikat :



Catatan:

- i) \* Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

## SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya Norhasnah M. Saheh nombor kad pengenalan 610526-06-5254 yang mewakili syarikat Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) nombor pendaftaran MOF 465-00001177 (\*MOF/Lembaga Profesional/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan  
sebenar-benarnya diakui oleh

Norhasnah M. Saheh  
di.....**SHAH ALAM**  
pada **3 Mei 2021**

Tandatangan.....



Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Catatan:

- i. \*Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di siji pendaftaran MOF/CIDB.

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN  
YANG BERKAITAN**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah **PCT 8/2021** bertarikh **26 April 2021** dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen \*sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan

.....  
Tandatangan Perunding  
Nama Penuh : **NORHAGNAN M. SAJEH**  
No. Kad Pengenalan :  
Alamat : **610526-06-5254**

Meteri atau Cop  
Perunding

Tarikh : **3/5/2021**



.....  
Tandatangan Saksi  
Nama Penuh : **INTAN MAIZURA BINTI ABDUL KASHID**  
No. Kad Pengenalan : **870615-30-5118**  
Alamat : **NO. 1 TAMAN MAS 2,  
KAMPUNG 7, 43200, CHERAS, SELANGOR**

Tarikh : **3/5/2021**

Meterai atau Cop Perunding

Tarikh : .....